



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 4 TAHUN 2019**

---

**PERUBAHAN KOMPONEN KURSUS UNIVERSITI DAN KURSUS PROFESIONAL  
PENDIDIKAN BAGI TUJUAN SEMAKAN SEMULA PROGRAM TAHUN 2019**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
12 Mac 2019

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

12 MAC 2019

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 4 TAHUN 2019**

**PERUBAHAN KOMPONEN KURSUS UNIVERSITI DAN KURSUS PROFESIONAL  
PENDIDIKAN BAGI TUJUAN SEMAKAN SEMULA PROGRAM TAHUN 2019**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-176 Bilangan 3/2019 yang bersidang pada 12 Mac 2019 telah bersetuju meluluskan Perubahan Komponen Kursus Universiti dan Kursus Profesional Pendidikan Bagi Tujuan Semakan Semula Program Tahun 2019.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Kali Ke-169 Bil. 2/2019 pada 21 Februari 2019 telah memperakukan perkara-perkara di bawah untuk kelulusan Senat ;

- i. Pindaan Kod dan Pro Forma Kursus Universiti bagi pelajar Program Sarjana Muda dan Sarjana Muda Pendidikan
- ii. Perubahan Kursus dan Pindaan Pro Forma Kursus Profesional Pendidikan
- iii. Pelaksanaan Struktur Latihan Mengajar (Program Perantis Guru 1 & 2 serta Latihan Mengajar 1 & 2)

**3.0 KEPUTUSAN SENAT**

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

3.1.1 meluluskan Pindaan Kod dan Pro Forma Kursus Universiti bagi pelajar Program Sarjana Muda dan Sarjana Muda Pendidikan seperti perincian berikut :

Fakulti/ Pusat	Kod dan Nama Kursus Asal	Pindaan	
		Kod dan Nama Kursus Baharu	Pro Forma Kursus
FSK	HNS2012 Hubungan Etnik	HNS3112 Hubungan Etnik (mula Semakan Program Tahun 2018)	<b>Pro forma kursus baharu</b> Perubahan pemberat kursus 70:30 bermula Semester 2 Sesi 2018/2019.
	HNP2012 Pengajian Kenegaraan	HNP3312 Pengajian Kenegaraan (mula Semakan Program Tahun 2018)	<b>Pro forma kursus baharu</b> Perubahan pemberat kursus 70:30 bermula Semester 2 Sesi 2018/2019.
	HNS2032 Kesukarelawanan	Tiada perubahan.	<b>Pro forma kursus baharu</b>
PBPU	BMU3152 Bahasa Melayu Pertengahan	Tiada perubahan.	<b>Pro forma kursus baharu</b>

3.1.2 meluluskan Perubahan Kursus dan Pindaan Pro Forma Kursus Profesional Pendidikan seperti perincian berikut :

Bil.	Kod dan Nama Kursus Asal	Perubahan
1.	KKD2063 Pembangunan Sahsia	Penggantian dengan kursus baharu KPG3013 Insan Guru Profesional
2.	KPD3016 Pengajaran, Teknologi dan Penaksiran 1	Pindaan Pro Forma Kursus

3.1.3 meluluskan Pelaksanaan Struktur Latihan Mengajar (Program Perantis Guru 1 & 2 serta Latihan Mengajar 1 & 2)

Program/Tempoh	Jumlah SLT	Kredit	Pelaksanaan
KPR3032 Program Perantis Guru1 (PPG 1)  (Sem 2) (1 minggu )	40 jam	2 kredit	Cuti Akhir Semester 2
KPR3032 Program Perantis Guru 2 (PPG 2)  (Sem 4) (3 minggu )	120 jam		Cuti Akhir Semester 4

Program/Tempoh	Jumlah SLT	Kredit	Pelaksanaan
KPR3044 Latihan Mengajar 1 LM 1 (Sem 6) 8 minggu	320 jam	4 kredit	Semester 6
KPR3054 Latihan Mengajar 2 LM 2 (Sem 8) 8 minggu	320 jam	4 kredit	Semester 8

3.1.4 Perubahan Kursus Universiti dan Kursus Profesional Pendidikan Bagi Tujuan Semakan Semula Program Tahun 2019 akan digunapakai selepas selesai proses semakan semula program.

#### 4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 12 Mac 2019.

Sekian, terima kasih.

**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SUHAILA SIDĒK)**  
Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

